

24/11/2000

WOA anjur golf amal 1 Disember

Hasnira Hassan

MUNGKIN ada antara kita terutama wanita yang pernah terlintas untuk mencuba sukan golf yang dianggap sukan bagi golongan berada.

Perlu juga diambil kira pelbagai faktor antaranya termasuk kos yang perlu dibelanjakan dan teknik permainan. Maklumlah, memegang kayu golf pun tidak pernah, apatah lagi menceburi bidang sukan itu, takut juga digelakkan oleh mereka yang pakar dalam bidang terbabit terutama golongan lelaki.

Maka impian menceburi sukan golf akan menjadi angan-angan dan hanya dikuburkan di sudut hati.

Sebagai menghilangkan kempunan, cukuplah sekadar memandang kecantikan suasana padang golf.

Tetapi sebenarnya mereka masih berpeluang mencapai impian walaupun mungkin hanya berkesempatan membuat pukulan sedangkan bolanya tidak menepati lubang.

Dengan pertandingan golf amal bagi acara 'putting' yang akan diadakan selama tiga hari bermula 1 Disember ini di The Mines Resort & Golf Club, orang ramai boleh mencuba bakat terpendam membuat pukulan golf masing-masing sambil menderma dengan sumbangan minimum RM2.

Acara itu dianjurkan oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dengan kerjasama Canon Marketing (Malaysia) Sdn Bhd (Canon).

Bagi mereka yang bernasib baik, mungkin berpeluang membawa pulang hadiah sumbangan penajanya, Canon seperti kalkulator, kamera dan mesin faksimili berwarna.

Pengurus Besar Kumpulan Produk Korporat Canon, Lim Kok Hin, berkata acara yang diadakan sempena kejohanan sukan berprestij yang berlangsung selama empat hari bermula 30 November ini, di lokasi yang sama adalah sebagai memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai keganasan terhadap wanita di Malaysia.

"Dengan menganjurkan pertandingan seumpama itu secara langsung memberi minat kepada orang ramai untuk menyumbang sambil berhibur," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Aids Malaysia yang juga ahli WAO, Datin Paduka Marina Mahathir; Presiden WAO, Meera Samanthan dan Setiausaha Eksekutif WAO, Ivy N Josiah.

Malah, Lim berkata, jangkakan sumbangan yang akan diperolehi lebih RM50,000 akan diserahkan sepenuhnya kepada WAO bagi meneruskan perjuangan mereka memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai isu keganasan terhadap wanita.

Perangkaan polis menunjukkan sehingga September 2000, sebanyak 2,136 kes keganasan rumah tangga dilaporkan; 926 kes rogol, 930 kes cabul; 3,992 kes keganasan terhadap wanita yang secara puratanya mencatatkan sebanyak 443 kes sebulan dan 15 kes sehari.

Ivy berkata, banyak kos terbabit secara langsung atau tidak dalam mengatasi masalah sosial ini.

Kajian di Queensland, Australia mendapati sebanyak RM557 juta diperlukan setahun bagi menyelesaikan kes masalah rumah tangga manakala RM763 juta diperlukan bagi menyelesaikan kes seksual dan rogol.

Beliau berkata, walaupun tiada kajian dibuat di Malaysia, secara langsung ia turut membabitkan kos perubatan, kehilangan hari bekerja, perundangan, berhubung mendapatkan perlindungan dan kos membina kehidupan baru.

"Kos langsung seperti kos ekonomi kerana kehilangan produktiviti, kos membabitkan siasatan, dakwaan dan hukuman penjara.

"Kos membabitkan penyediaan tempat perlindungan, di WAO kita memerlukan sehingga RM42,000 sebulan," katanya.

Turut diambil kira, perbelanjaan yang ditanggung terhadap kanak-kanak seperti kehilangan hari persekolahan yang kadangkala meningkat sehingga enam bulan, trauma serta kos membabitkan kaunseling jangka panjang serta pendek.

(END)